

## **PERSEPSI MASYARAKAT TERHADAP MUTU MAKLUMAT SASTERA SIBER**

**Noor Hazwany Haji Arifin**

Email: puteri87n@gmail.com

**Salmah Jan Noor Muhammad**

Email: salmahjannoor@gmail.com

Jabatan Bahasa Melayu,

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,

Universiti Putra Malaysia,

43400 UPM Serdang,

Selangor

### **Abstrak**

Media siber yang berkembang pesat pada masa kini telah memberikan kesan kepada perkembangan pelbagai bidang ilmu, tidak terkecuali dalam bidang sastera. Walaupun media ini telah diterima secara umum dalam konteks pelaksanaannya, namun masih ada pertikaian kerana tanggapan dan persepsi masyarakat yang berbagai-bagai. Hal ini dapat dilihat apabila terdapat dua jalur yang berbeza mengenai persepsi masyarakat terhadap sastera siber. Jalur pertama mengatakan bahawa karya sastera siber memperlihatkan mutu estetika yang tinggi dan mempunyai etika yang mengagumkan. Manakala jalur yang kedua pula mengatakan bahawa mutu dan estetika sastera siber terjejas. Justeru itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti dan menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap sastera siber dari aspek mutu maklumat. Dalam hal ini, kaedah yang digunakan dalam kajian ialah kaedah kuantitatif. Data diperoleh melalui kajian lapangan iaitu menerusi pemerhatian dan soal selidik terhadap responden iaitu pengguna laman web e-sastera ([www.e-sastera.com](http://www.e-sastera.com)). Seterusnya, data kajian ini akan dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Sosial Sciences (SPSS). Dalam kajian ini, jenis persampelan yang digunakan oleh pengkaji ialah persampelan secara rawak mudah iaitu responden dipilih secara rawak. Ciri-ciri yang dimiliki responden dipilih mestilah memenuhi matlamat kajian iaitu mereka yang pernah melayari dan mengetahui mengenai laman web e-sastera. Pemilihan responden adalah seramai 100 orang daripada pelbagai lapisan masyarakat antaranya ahli akademik, ahli profesional, pelajar, orang awam dan komuniti e-sastera sendiri. Kajian yang dilakukan berfokuskan kepada e-sastera iaitu laman web khusus tentang sastera Melayu yang telah diasaskan oleh Profesor Dr. Ir. Wan Abu Bakar Wan Abas seorang pensyarah bidang kejuruteraan di Universiti Malaya.

Bagi memperkukuhkan lagi kajian, teori resepsi digunakan bersesuaian dengan tanggapan dan reaksi masyarakat terhadap karya sastera siber. Berdasarkan keseluruhan hasil kajian, didapati bahawa responden memberikan jawapan positif yang menunjukkan bahawa sastera siber mempunyai estetika dan mutu maklumat yang boleh diyakini.

**Kata kunci:** *persepsi, sastera siber, mutu, estetika, teori resepsi*

## **PERCEPTION OF SOCIETY TOWARDS INFORMATION QUALITY IN CYBER LITERATURE**

### **Abstract**

The rapid growth of cyber media has had a monumental effect on every field of knowledge, including literature. Even though cyber media is widely accepted in context, disputes occur due to the different perceptions held by various members of society. This is evident in the two differing views of society towards cyber literature. The first opinion states that cyber works have a high aesthetic value and contain impressive ethics. The second opinion states that the quality and aesthetic value of cyber literature is poor and unsatisfactory. This study was carried out to determine and analyze the factors that affect the perceptions of society at towards cyber works in the quality of the information contained in the works. This study utilizes a quantitative method. The data was obtained through field studies such as observations and questionnaires posed to users of the electronic literature website [www.e-sastera.com](http://www.e-sastera.com). The data was then analyzed using Statistical Package for Social Sciences (SPSS). Simple random sampling was carried out on randomly selected respondents. Respondents had to fit characteristics that could fulfil the goals of the study, namely, they had previously used, or were aware of the e-sastera website. As many as 100 respondents were chosen from all walks of life. Among them were academics, professionals, students, members of the public, and the e-sastera community itself. The study focused on the website e-sastera, a website about Malay literature that was founded by Professor Dr. Ir. Wan Abu Bakar Wan Abas, an engineering lecturer in University of Malaya. To further lend credence to the study, the reception theory was used where applicable to gauge the opinions and reactions of the society towards cyber works. Based on the results of the study, it was found that respondents mostly provided positive feedback, thus indicating that cyber literature is actually highly valuable in terms of aesthetics and quality.

**Keywords:** perception, cyber literature, quality, aesthetic, reception theory

## **PENGENALAN**

Budaya teknologi maklumat dan komunikasi yang berkembang pesat dalam semua bidang di seluruh dunia memberikan kesan kepada perkembangan pelbagai disiplin ilmu. Dunia sastera yang juga termasuk dalam dunia seni kreatif, tidak terkecuali daripada pengaruh budaya ini. Oleh yang demikian, muncul mereka yang berminat untuk menggunakan teknologi digital bagi mentransformasikan karya sastera dan menghasilkan sastera yang dikenali sebagai sastera elektronik atau sastera siber (Zuraida Jaafar, 2001).

Menerusi perkembangan itu, sastera siber mula mendapat tempat oleh kebanyakan pengguna dan juga peminat sastera sebagai medan alternatif untuk meneruskan kesinambungan karya mereka menemui khalayak. Khalayak merupakan sasaran bagi penghasilan karya sastera. Pengarang berwawasan selalunya menggunakan karyanya untuk menyampaikan aspek-aspek positif kepada khalayaknya. Sebagai antara pilihan terbaik dalam berkarya, secara tidak langsung bergerak sesuai dengan perkembangan semasa dalam dunia teknologi maklumat, yang memungkinkan semua manusia berada dalam satu jaringan (Mohd Dahri Zakaria, 2004).

Seiringan dengan wujudnya karya sastera siber dalam talian di Malaysia, terdapat beberapa laman utama yang menyediakan ruang untuk peminat dan juga kelompok penulis, terutamanya generasi baru untuk berkarya. Antaranya ialah laman [pustakamaya.net](http://pustakamaya.net), [Melayu.com](http://Melayu.com), [karyanet.com.my](http://karyanet.com.my), [arahkiri.cjb.net](http://arahkiri.cjb.net), [idealismahasiswa.net](http://idealismahasiswa.net), dan [www.esastera.com](http://www.esastera.com). Dalam hal ini, laman web [www.e-sastera.com](http://www.e-sastera.com) dilihat paling mendapat tempat di kalangan penulis-penulis sastera. Istimewanya laman ini apabila merupakan satu-satunya laman siber yang memuatkan sepenuhnya hasil-hasil karya sastera dalam pelbagai genre oleh kebanyakan pengunjunnya. Malah ia juga dikenali sebagai majalah sastera elektronik. Komitmen yang tinggi dari pengasas e-sastera menjadikan laman tersebut antara laman sastera elektronik yang menarik untuk dikunjungi dan seterusnya menambahkan karyawan terutamanya dari golongan muda untuk berkarya di situ (Hasyuda Abadi, 2005).

## **SOROTAN LITERATUR**

Fenomena sastera siber yang semakin berkembang pesat pada era ini telah mencetuskan pandangan-pandangan yang positif dan negatif para sarjana. Antaranya Sohaimi Abdul Aziz (2010:14-20), menyatakan bahawa persoalan tentang kualiti sastera elektronik sering dibincangkan dan sering dianggap tidak bermutu. Dalam erti kata yang lain, sastera dianggap hilang estetika dan tiada nilai-nilai jati diri apabila diaplikasikan dalam bentuk digital.

Dalam artikel ini tersebut, Sohaimi Abdul Aziz (2010) menerangkan sains dan teknologi yang saling berhubung kait dengan sastera melalui dua cara iaitu sastera berkaitan dengan sains dan teknologi melalui cereka sains apabila gagal dalam menyuarakan dimensi kemanusiaan dalam sains dan teknologi itu sendiri. Kemudian, sains dan teknologi telah mentransformasikan sastera melalui genre sastera yang berasaskan teknologi digital seperti sastera hiperteks.

Seterusnya, Shahrin Nizal Mohd Nor (2001) menyatakan pula bahawa perkembangan terancang dalam dunia penerbitan buku termasuk karya sastera siber telah mengorbankan pembacaan secara berestetika dan berseni. Hal ini kerana penerbitannya mudah dan sesiapa sahaja boleh memasukkan karya tanpa mempunyai sekatan. Kejayaan karya siber bukan terletak pada estetika tetapi jumlah pembaca yang mengunjungi laman web.

Kemudian, Azmi Rahman (2011) menyatakan bahawa blog, SMS, YouTube, facebook, dan twitter merupakan media baru yang muncul dalam era dunia tanpa sempadan. Keakraban warga maya pada media baru telah mengubah cara dan gaya berinteraksi, menyebarkan, mewujudkan jaringan ilmu, melahirkan ramai pensiber (penulis/pengarang siber) dan pemsiber (pembaca siber). Selain itu, penciptaan komputer yang berinternet telah memunculkan karya elektronik; eJurnal, eAkhbar, eMajalah, eBook atau eBuku. Jelas Azmi Rahman (2011) lagi, lalu lintas ilmu di lebuhraya siber begitu sibuk; tidak terkecuali karya sastera yang dipaparkan dan dikomposisikan dalam satu-satunya majalah sastera elektronik berbahasa Melayu di dunia, iaitu *eSastera.com* yang muncul sejak 2002 dengan nama asalnya *CommunityZero* yang diasaskan oleh Profesor Ir. Dr. Wan Abu Bakar Bin Wan Abas atau nama penanya Dr. Irwan. Di ruang *eSastera.com* atau di *eSasterawan.net*, para pensiber (penulis/pengarang siber) berkarya; menulis entri di blog untuk bacaan khalayak siber, menulis karya kreatif; sajak, sajen(sajak jenaka), puisi Melayu tradisional, pantun, soneta, ulasan dan kritikan sastera, haiku dan tanka, cerpen, drama, novel, bicara karya sastera PMR dan SPM, madah serta berinteraksi di alam siber atas nama sastera, seni dan budaya Melayu. Pensiber juga memanfaatkan pelbagai ilmu dalam pelbagai disiplin; bahasa, politik, agama, ekonomi, dan sastera untuk tujuan sama ada penyampaian dan perkongsian ilmu atau pernyataan fikir rasa terhadap sesuatu isu yang menyentuh manusia sejagat. Pemsiber (pembaca siber) pula mengakses bahan-bahan dari laman blog, audio-video, imej, dan animasi, sekaligus mendapat manfaat seperti berada dalam sebuah perpustakaan atau dunia siber ilmu. Justeru, kertas kerja ini menghuraikan pengalaman pensiber memanfaatkan *eSastera.com* dan blog *eSasterawan.net* untuk tujuan penggubahan karya dan pengajaran sastera Melayu khasnya di UUM yang bersifat interaktif di helaiian siber.

## **KAEDAH KAJIAN**

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan di peringkat awal iaitu merujuk segala maklumat, fakta, bahan, dokumen yang berkaitan dengan kajian di Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia (UPM), Perpustakaan Negara, Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Perpustakaan Universiti Malaya dan Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Selain itu, beberapa petikan serta ulasan dari jurnal-jurnal, bahan-bahan bacaan yang lain serta paparan melalui internet juga telah dijadikan bahan kepustakaan. Ini bertujuan untuk membantu pengkaji menambah bahan yang sedia ada dan juga dapat menokok tambah bahan secara rapi dan berkesan.

Kemudian, pengkaji menggunakan kaedah tinjauan berdasarkan borang soal selidik yang telah disediakan. Menurut Syed Arabi Idid (2002), kaedah tinjauan merupakan kaedah yang dijalankan untuk mengumpul data daripada sesebuah populasi. Semasa tinjauan dilakukan pengkaji mengutamakan untuk mendapatkan jawapan yang memuaskan daripada responden yang terlibat salah satunya dengan menggunakan borang soal selidik. Pihak responden pula perlulah bersesuaian dengan kajian supaya semasa mereka mengisi borang soal selidik tersebut pengkaji akan memperoleh data yang baik dan akan membantu dalam penyelidikan.

### **3.1 Lokasi Kajian**

Kaedah tinjauan yang dilakukan dengan menggunakan borang soal selidik dilakukan di beberapa lokasi terpilih di Selangor dan Kuala Lumpur. Antaranya di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang yang mana respondennya adalah di kalangan para pelajar dan para pensyarah. Selain itu kajian diadakan di Pusat Dokumentasi, Dewan Bahasa dan Pustaka dengan memberikan borang soal selidik kepada pelawat-pelawat yang mengetahui mengenai kewujudan laman sastera siber iaitu e-sastera.

### **Persampelan dan Responden Kajian**

Persampelan adalah sebagai satu bentuk usaha bagi seseorang pengkaji untuk memperolehi maklumat daripada sampel yang dapat mewakili populasi tersebut. Menurut Mohd Majid Konting (2004), populasi merupakan cerapan ke atas sekumpulan individu atau objek. Sementara itu persampelan adalah strategi penyelidikan di mana penyelidik boleh mendapatkan sumber mengenai sesuatu populasi daripada sebahagian individu yang menganggotai populasi tersebut. Manakala sebahagian individu yang diambil melalui persampelan bagi mewakili sesuatu populasi yang dikaji dikenali sebagai sampel.

Dalam kajian ini, jenis persampelan yang digunakan oleh pengkaji ialah persampelan secara rawak mudah iaitu responden dipilih secara rawak dan ditanya sama ada pernah atau tidak melayari laman web e-sastera. Ciri-ciri yang dimiliki responden dipilih mestilah memenuhi matlamat kajian iaitu mereka yang pernah melayari dan mengetahui mengenai laman sastera siber iaitu e-sastera. Populasi responden adalah seramai 100 orang daripada pelbagai lapisan masyarakat antaranya ahli akademik, ahli profesional, pelajar, orang awam dan komuniti e-sastera sendiri. Pembahagian responden ini tidak berdasarkan jantina kerana mereka dipilih secara rawak tanpa menentukan berapa ramai bilangan responden mewakili jantina. Begitu juga dari aspek umur, agama, bangsa dan tahap pendidikan kerana yang lebih utama adalah responden tersebut pernah melayari laman web e-sastera. Namun, secara rasionalnya, kebanyakan responden adalah terdiri daripada kalangan bangsa Melayu kerana laman web e-sastera sepenuhnya dalam bahasa Melayu.

### **3.3 Teori Resepsi**

Teori resepsi adalah teori pendekatan sastera yang mementingkan pendapat pembaca dari sebuah karya sastera, seperti tanggapan umum yang sering berubah-ubah dalam kurun waktu tertentu. Jadi, dalam menilai dan mengintrepretasi sebuah karya sastera yang berasal dari pemikiran pembaca, pendekatan ini berfokus kepada analisis tekstual lingkup untuk ‘kesepakatan’ dan ‘pertentangan’ melalui pembaca. Hal ini bermaksud bahawa teks sama ada buku, filem, atau karya kreatif lainnya tidak hanya pasif diterima oleh pembaca, tetapi bahawa pembaca menafsirkan makna teks berdasarkan latar belakang budaya individu dan pengalaman hidup. Pada dasarnya, makna teks tidak melekat dalam teks itu sendiri tapi dibuat dalam hubungan antara teks dan pembaca.

Resepsi sastera diterjemahkan daripada perkataan *rezeptionaesthetik* yang dapat disamakan dengan *literary respons* (Holland, 1974). *Rezeptionaesthetik* boleh juga diterjemahkan sebagai ‘penerimaan estetik’ sesuai dengan *aesthetic of reception*. Istilah resepsi sastera ataupun teori resepsi digunakan oleh Franco Maregalli pada tahun 1980. Teori resepsi bermakna bagaimana pembaca memberikan makna terhadap karya sastera yang dibacanya sehingga dapat memberikan reaksi atau tanggapan terhadapnya (Mana Sikana, 2005; 304).

Sejarah teori sastera ini bermula dari antologi mengenai teori resepsi sastera oleh Rainer Warning (1975) yang memasukkan karangan sarjana-sarjana dari Jerman. Sarjana pertama yang karangannya dimuat oleh Warning adalah penelitian Leo Lowenthal sebelum Perang Dunia Kedua yang mempelajari penerimaan terhadap karya-karya Dostoyevski di Jerman. Tujuan penelitiannya adalah untuk mengetahui pandangan umum di Jerman ketika itu, dan dikatakan juga merupakan pandangan dunia. Walaupun penelitian Lowenthal termasuk

dalam penelitian sosiologi sastera, tetapi penelitian itu telah bertolak dari dasar yang kelak menjadi dasar teori resepsi sastera. Berdasarkan hasil penelitian Lowenthal ini, Warning memberikan konsep bahawa dalam teori resepsi sastera terhimpun sumbangan pembaca yang menentukan arah penelitian ilmu sastera yang mencari makna, kaedah, dan hasil pertemuan antara karya dan khalayak melalui pelbagai aspek dan cara (Umar Junus, 1985:29).

Kemudian, Warning (1975) memasukkan karangan dua sarjana dari Jerman, iaitu Ingarden dan Vodicka. Ingarden berbicara tentang kongkretisasi dan rekonstruksi yang berkaitan hakikat suatu karya yang penuh dengan ketidakpastian estetika dan perkara ini boleh dipastikan melalui kongkretisasi. Manakala ketidakpastian pandangan dapat dipastikan melalui rekonstruksi dan kedua-dua perkara ini dilakukan oleh pembaca. Vodicka pula berangkat dari karya yang dilihat sebagai pusat kekuatan sejarah sastera. Pembaca bukan hanya tertarik dengan kehadiran karya sastera, tetapi juga penerimaannya (Umar Junus, 1985:30).

Perkembangan teori resepsi diteruskan oleh Jauss dan Iser. Jauss ingin menganalisis hubungan antara Marxisme dan formalisme Rusia. Namun, Marxisme lebih menekankan kepada fungsi sosial karya daripada nilai estetik karya tersebut dalam kajian. Sementara itu, dalam kalangan formalisme Rusia dianggap terlalu mementingkan nilai estetik karya daripada nilai fungsi sosialnya. Disebabkan perbezaan dasar tersebut, Jauss cuba untuk menghubungkan kedua pemikiran tersebut iaitu menggabungkan antara sejarah dan nilai estetik sastera. Dalam erti kata lain, karya sastera dianggap sebagai objek estetik yang memiliki implikasi estetik dan implikasi historis. Implikasi estetik timbul apabila teks dinilai dalam perbandingan dengan karya-karya lain yang telah dibaca, dan implikasi historis muncul kerana perbandingan historis dengan rangkaian penerimaan atau resepsi sebelumnya (horizon harapan). Daripada konsep ini, diturunkan sebuah perkaitan antara pengarang, karya, dan pembaca (Umar Junus, 1985:30).

Berbeza dengan Jauss, Iser (1987) menganggap karya sastera sebagai suatu bentuk komunikasi. Dalam hal ini estetika tanggapan dianalisis dalam hubungan dialek antara teks, pembaca, dan interaksi antara keduanya. Iser (1987:27-30) memberikan perhatian pada hubungan antara teks dengan pembaca, dalam hubungan ini kekuatan karya untuk memberikan kesan kepada pembaca. Pembaca yang dimaksud oleh Iser bukanlah pembaca nyata melainkan pembaca implisit iaitu organisasi pembaca yang diciptakan oleh teks.

Iser (1926), yang dianggap sebagai salah satu tokoh paling terkemuka teori resepsi, menunjukkan pentingnya proses sastera yang mempunyai tiga golongan pembaca iaitu pembaca sesungguhnya, pembaca implisit dan pembaca eksplisit. Menurut Segers (1975), pembaca sesungguhnya termasuk kategori yang paling mendapat perhatian, termasuk dalam teori estetika. Pembaca implisit adalah peranan bacaan yang terletak di dalam teks itu sendiri iaitu keseluruhan petunjuk tekstual bagi pembaca sebenarnya (Umar Junus, 1985:52).

## KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

### Persepsi Masyarakat Terhadap Mutu Maklumat Sastera Siber (e-sastera)

Pengkaji mendapatkan persepsi masyarakat terhadap mutu maklumat laman sastera siber iaitu e-sastera. Item-item soalan yang dikemukakan adalah merangkumi mutu dan nilai estetika karya e-sastera, pemahaman bahasa yang digunakan, kepadatan maklumat, penyampaian maklumat yang tepat dan jelas, pemahaman ayat yang digunakan, pengemaskinian maklumat dari semasa ke semasa, dan kekerapan pembaharuan bahan karya. Bagi menunjukkan bahawa sastera siber mempunyai nilai yang berkualiti, setiap item soalan diberikan empat jawapan iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, setuju atau sangat setuju untuk dipilih oleh responden.

Jadual 1: Mutu Maklumat dalam Laman Web E-sastera

Item	STS	TS	S	SS	Min	SP
Karya Bermutu dan Mempunyai Nilai Estetika	-	-	84 (84%)	16 (16%)	4.16	0.368
Bahasa Digunakan Mudah Difahami	-	-	87 (87%)	13 (13%)	4.13	0.338
Padat dengan Maklumat	-	1 (1%)	88 (88%)	11 (11%)	4.09	0.379
Maklumat Disampaikan Tepat dan Jelas	-	1 (1%)	89 (89%)	10 (10%)	4.08	0.367
Ayat Digunakan Mudah Difahami	-	1 (1%)	86 (86%)	13 (13%)	4.11	0.399
Maklumat Dikemaskini dari Semasa ke Semasa	-	5 (5%)	86 (86%)	9 (9%)	3.99	0.541
Bahan Karya Sentiasa Diperbaharui	-	7 (7%)	84 (84%)	9 (9%)	3.95	0.609

STS: Sangat tidak setuju; TS: Tidak setuju; S: Setuju; SS: Sangat Setuju; SP: Sisihan piawai



## **Karya Bermutu dan Mempunyai Nilai Estetika**

Sesebuah karya yang bermutu mempunyai nilai estetika yang sarat dengan gaya bahasa dan mesej yang memberi kesan positif kepada pembaca. Kesan dari nilai estetika itu, menjadikan karya terus diingati dan sangat disenangi.

Tiada responden yang sangat tidak setuju dan tidak setuju karya yang dipaparkan dalam e-sastera bermutu dan mempunyai nilai estetika. Majoriti sebanyak 84 orang (84%) setuju dan selebihnya 16 orang (16%) sangat setuju (Min: 4.16, SP: 0.368). Mutu sesebuah karya dapat dilihat melalui keindahan atau nilai estetika yang diaplikasikan. Bagi menghasilkan kesan estetika dalam karya, penggunaan gaya bahasa amat diutamakan. Menurut laporan Aminuddin Mansor (2012), karya sastera memang mempunyai nilai estetika, sama ada tahap tinggi atau bertaraf rendah. Nilai estetika ini seharusnya dapat dinikmati sebagai nikmat ketika membaca, menghayati dan memahami setiap hasil karya. Begitulah, bagi karya novel, cerpen, puisi, (pantun, syair, gurindam, seloka dan sajak), drama dan sebagainya ada terselit nilai-nilai estetika dan keindahan.

Irwan Abu Bakar dalam laporan Adli Shahar (2011), menyatakan selain setiap karya yang diletakkan dalam laman sesawang perlu melalui sistem penilaian daripada pembaca, penulis juga tidak akan berani menerbitkan karya tidak bermutu kerana setiap karya sudah mendapat maklum balas daripada pembaca selepas diterbitkan di laman sesawang. Dr Irwan menjelaskan, salah satu kelebihan sastera elektronik ialah setiap karya akan mendapat maklum balas pantas daripada pembaca, termasuk mereka yang lebih berpengalaman dalam menghasilkan karya sastera.

Sehingga kini, laman berkenaan telah berjaya menganjurkan satu program yang dinamakan sebagai Anugerah Penyair Alam Siber (APAS) pada tahun 2001. Melalui anugerah berkenaan, sajak-sajak ahli yang tersiar dilaman berkenaan sepanjang tahun 2002 telah dinilai untuk menerima anugerah berkenaan melalui satu majlis yang telah diadakan yang dinamakan Hadiah eSastera.com (HeS.Com) 2003 yang menawarkan hadiah utama bernilai RM2003, sijil dan cenderamata. Sajak Jenaka (Sajen) juga turut dinilai untuk menerima Anugerah Sajak Jenaka Alam Siber (ASJAS) yang menawarkan hadiah sebanyak RM1000 (Mohd Dahri Zakaria, 2004).

Merujuk kepada mutu dan estetika dalam e-sastera, salah satu genre sastera yang kaya dengan nilai-nilai seni dan estetika adalah puisi. Nilai seni dan estetika adalah sesuatu yang tidak boleh dipisahkan daripada karya-karya puisi. Nilai seni dan keindahan dalam puisi Melayu mencakupi keindahan luaran dan keindahan dalaman. Keindahan luaran boleh dilihat daripada aspek bentuk visual dan penggunaan gaya bahasa manakala keindahan dalaman merujuk kepada aspek mesej dan pemikirannya.

Menurut Rachmat Djoko Pradopo (1993: 264) gaya bahasa merupakan cara penggunaan bahasa secara khusus untuk mendapatkan efek estetik yang terhasil apabila pembaca dapat menghayati gagasan idea penulis dan merupakan

sumbangan terbesar yang memberi nilai seni kepada sesebuah sajak. Pengkaji membincangkan satu persatu gaya bahasa dan mesej berdasarkan contoh dalam kumpulan puisi e-sastera.

Pertama adalah repetisi anafora. Repetisi anafora ialah pengulangan berupa kata pertama atau frasa pertama pada setiap baris atau setiap kalimat (Henry Guntur Tarigan, 1985: 192). Contoh seperti puisi “Indahnya Bahasa” karya Rimba Senja diterbitkan pada 8 Julai 2013 di bawah:

**Indahnya** bahasa  
**yang** menuturkan ilmu dan pengetahuan  
**yang** mendidik anak bangsa  
memartabatkan negara.

**Indahnya** bahasa  
**yang** menghidupkan peradaban  
**yang** menjadi landasan  
mewujudkan tamadun.

Sungguh indahlah bahasa  
**yang** mengungkapkan seribu kata  
**bahasa** yang menjadi jiwa bangsa  
**bahasa** jugalah menyatupadukan bangsa.

(Rimba Senja, 8 Julai 2013, 11:16 pm)

Terdapat pengulangan perkataan *indahnyanya* pada baris pertama, rangkap 1, 2 dan 3 puisi di atas. Seterusnya, pengulangan perkataan *yang* terdapat pada baris kedua dan ketiga rangkap 1 dan 2; dan rangkap 3 pada baris kedua sahaja. Manakala pengulangan perkataan *bahasa* pula terdapat pengulangan repetisi anafora pada rangkap 3, baris ketiga dan keempat puisi.

Selain itu terdapat juga simile. Simile adalah perumpamaan yang secara jelas mengungkapkan perbandingan atau persamaan antara sesuatu objek, hal, perkara atau situasi. Simile menggunakan kata-kata perbandingan seperti *bak*, *laksana*, *umpama* seperti, *bagai*, *bagaikan*, *ibarat*, *tamsil*, dan *seumpamanya* (Rachmat Djoko Pradopo, 1993:62). Contoh seperti puisi “Pada Lilitan Kain Itu”:

Kau kata kau pejuang yang gagah perkasa  
tapi tingkahmu tidak menunjukkan kau pejuang  
terkinja-kinja, terjerit-terjerit **bagaikan** kena histeria

...

(Masshah, 11 Januari 2014, 9.59 pm)

Penggunaan unsur simile iaitu perbandingan antara satu benda dengan benda yang lain dengan menggunakan kata perbandingan iaitu bagai ditemui dalam puisi yang dikaji.

Kemudian, keindahan dalaman merujuk kepada aspek mesej dan pemikiran yang diutarakan. Mesej pemikiran yang diutarakan mengenai kata-kata yang telah menjadi lambang bagi membawa makna dan peristiwa tertentu yang berlaku dalam kehidupan. Misalnya dalam puisi “Pengumuman Kepada Pemenang (Terinspirasi dari *Firdaus*)”:

Para pemandu berhemah  
dan penunggang selamat,  
anda pemenang –  
pulanglah ke rumah,  
tuntut piala dan hadiah:  
ibu-ayah, anak-isteri;  
serta orang tersayang.

Tahniah!  
anda semua pemenang.

(9 Julai 2013, 8.46 am)

Puisi di atas berkenaan dengan pemandu dan penunggang sama ada motosikal, kereta, bas, lori dan kenderaan-kenderaan yang lain hendaklah memandu dengan berhati-hati semasa memandu pulang ke rumah; serta ingatlah pada keluarga dan orang-orang yang tersayang yang setia menunggu kepulangan ‘anda’.

Mesej yang ingin disampaikan oleh Ibn Din Assinghiri dalam puisinya memberi pengajaran dan kesedaran kepada pembaca supaya mementingkan keselamatan diri semasa membawa kenderaan. Mesej tersebut mencakupi keindahan dalaman nilai seni. Seterusnya, gaya bahasa yang digunakan dalam puisi Rimba Senja dan Masshah di atas menunjukkan bahawa puisi mempunyai estetika yang mencakupi keindahan luaran. Keindahan dalaman dan keindahan luaran yang terdapat pada puisi menunjukkan bahawa puisi-puisi tersebut mempunyai estetika yang menandakan puisi tersebut bermutu dari segi penyampaian.

### **Bahasa Digunakan Mudah Difahami**

Mutu dapat dilihat berdasarkan bahasa standard yang digunakan dan difahami oleh sesuatu kelompok komuniti semasa berinteraksi. Dalam item soalan, pengkaji mendapatkan interaksi daripada responden berkenaan pemahaman bahasa yang digunakan dalam e-sastera.

Berdasarkan kepada Jadual 1, tiada responden yang sangat tidak setuju dan tidak setuju bahawa bahasa yang digunakan mudah difahami. Manakala majoriti 87 orang (87%) setuju bahasa yang digunakan mudah difahami. Selebihnya pula seramai 13 orang (13%) sangat setuju (Min: 4.13, SP: 0.338). Mengikut penelitian pengkaji, majoriti responden bersetuju bahawa bahasa yang digunakan mudah difahami kerana laman web e-sastera sepenuhnya ditulis dalam bahasa Melayu iaitu bahasa yang digunakan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa komunikasi utama masyarakat Malaysia. Oleh yang demikian, tidak menjadi masalah bagi responden untuk melayari laman e-sastera. Pemahaman bahasa dalam laman web ini menunjukkan penerimaan responden yang selari dengan teori resepsi.

Laman e-sastera berjaya mempertahankan penggunaan bahasa Melayu yang baik (*standard*) dalam karya-karyanya. Ciri-ciri “bahasa siber” kolokial tidak digunakan kecuali dalam komunikasi tak formal antara ahli (Wan Abu Bakar Wan Abas, <http://esastera.com/kk/internetpoetry.htm>).

Berbalik kepada bahasa Melayu yang digunakan, Nik Safiah Karim (2004) menyatakan bahawa bahasa Melayu harus muncul sebagai bahasa ilmu dan bahasa perhubungan umum pada abad ini. Sebagai bahasa ilmu memerlukan penyediaan bahan bacaan dan bahan rujukan yang mencukupi. Di samping itu, perlu lahir lebih ramai intelektual yang dapat menjadi contoh penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu pada tempat dan waktu yang sesuai. Bahasa Melayu perlu muncul sebagai bahasa perhubungan dalam kalangan rakyat jelata melibatkan pelbagai konteks. Selain menumpukan kepada interaksi bahasa dalam situasi yang melibatkan pelbagai laras bahasa seperti laras politik, laras sastera dan sebagainya, penekanan perlu diberikan terhadap estetika bahasa.

### **Padat dengan Maklumat**

Pengisian bahan yang mempunyai fakta dari sumber yang sah menjadikan sesebuah penulisan itu padat dengan maklumat. Maklumat padat yang diperoleh membantu dalam pengembangan dan perkongsian ilmu pengetahuan. Item soalan laman web e-sastera padat dengan maklumat memerlukan responden memberi tindak balas jawapan sama ada sangat tidak setuju, tidak setuju, setuju atau sangat setuju.

Berdasarkan Jadual 1, tiada responden sangat tidak setuju dan hanya seorang (1%) tidak setuju e-sastera padat dengan maklumat. Manakala majoriti 88 orang (88%) setuju, dan 11 orang (11%) sangat setuju e-sastera padat dengan maklumat (Min: 4.09, SP: 0.379). Majoriti responden bersetuju e-sastera padat dengan maklumat. Hal ini kerana seperti yang dibincangkan sebelum ini, e-sastera menyampaikan maklumat daripada sumber-sumber yang boleh diyakini ketepatannya. Misalnya, sekiranya maklumat mengenai sesuatu anugerah atau pertandingan di Dewan Bahasa dan Pustaka dipaparkan, akan diletakkan terus *link* daripada laman web tersebut (Rujuk Paparan 1). Perkara ini menjamin

ketepatan maklumat yang disampaikan dan secara tidak langsung pencarian maklumat oleh pengunjung laman web menjadi lebih mudah.

Menurut Baharuddin Aris (2003), pencarian maklumat menerusi internet memerlukan kemahiran tertentu dan selalunya kemahiran ini datangnya daripada pengalaman. Pengetahuan yang lebih mendalam dan spesifik ini penting tetapi sukar dikuasai.

Oleh itu, dalam e-sastera pencarian maklumat menjadi lebih mudah kerana segala butiran dijelaskan secara terperinci mengenai sesuatu maklumat. Pengunjung hanya perlu mahir dan rajin untuk menjelajah keseluruhan ruangan dalam e-sastera untuk mendapatkan maklumat. Hal ini tidak menyukarkan pencarian maklumat seterusnya pada masa hadapan kerana pengunjung sudah mempunyai pengalaman pencarian maklumat sebelumnya.

### **Maklumat Disampaikan Tepat dan Jelas**

Ketepatan sesuatu maklumat dapat disampaikan maknanya apabila dijelaskan secara terperinci. Oleh itu, pengkaji melihat mutu e-sastera melalui maklumat yang disampaikan secara tepat dan jelas melalui respon responden sama ada sangat tidak setuju, tidak setuju, setuju atau sangat setuju.

Jadual 1 menunjukkan tiada responden sangat tidak setuju maklumat yang disampaikan tepat dan jelas. Hanya seorang (1%) tidak setuju, 89 orang (89%) setuju, dan 10 orang (10%) sangat setuju (Min: 4.08, SP: 0.367). Maklumat-maklumat yang didapati dalam e-sastera boleh diyakini ketepatannya kerana diperolehi daripada sumber-sumber asal. Misalnya maklumat mengenai pertandingan-pertandingan sastera atau seminar-seminar diletakkan dalam ruangan 'Berita' bagi memudahkan pengunjung untuk memperolehi maklumat. Selain itu, *link* daripada mana maklumat berita tersebut diambil, diletakkan di bahagian hujung artikel bagi memudahkan pengunjung membaca daripada sumber asal.

**Contoh:**

The screenshot shows the website 'e-sastera.com' with the article 'Hadiah Sastera Perdana 2013'. The article text reads: 'Sempena pengumuman YAB TPM baru-baru ini bahawa **Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM)** akan dikeluarkan pada setiap tahun, maka Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia (DBP) sedang mengutip karya untuk dipertimbangkan bagi anugerah tahun penilaian 2013 (karya terbitan 2012). Butir-butirnya adalah seperti yang berikut.'

KATEGORI A (Hadiah Sastera)	KATEGORI B (Karya Mawani)	KATEGORI C (Buku Sastera Kanak-Kanak/Remaja)
Karya penulisan dalam bentuk buku yang diterbitkan buat kali pertama dalam tahun 2012 bagi genre:	Karya penulisan yang diterbitkan dalam bentuk majalah/jurnal atau buku kumpulan atau antologi/buku kali pertama dalam tahun 2012 bagi genre:	Karya penulisan dalam bentuk buku yang diterbitkan buat kali pertama dalam tahun 2012 bagi genre:
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Puisi</li> <li>• Cerpen</li> <li>• Novel</li> <li>• Drama Pentas</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Puisi</li> <li>• Cerpen</li> <li>• Drama Pentas</li> <li>• Esei/Kritik/Laporan Sastera</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kumpulan Puisi Kanak-kanak</li> <li>• Kumpulan Cerpen Kanak-kanak</li> <li>• Novel Kanak-kanak</li> <li>• Drama Pentas Kanak-kanak</li> </ul>

Paparan 1: Maklumat Berita “Hadiah Sastera Perdana 2013”

Paparan 1 menunjukkan maklumat berita sastera iaitu “Hadiah Sastera Perdana Malaysia” yang diambil daripada sumber asal iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka(DBP). Anugerah tersebut yang dibahagikan kepada tiga kategori diperincikan secara tepat dan jelas dalam laman web e-sastera.

**Ayat Digunakan Mudah Difahami**

Ayat yang menggunakan bahasa standard yang tidak berkias dan tidak meleret akan lebih mudah difahami. Item soalan ini memerlukan responden memberi reaksi sama ada sangat tidak setuju, tidak setuju, setuju atau sangat setuju ayat yang digunakan mudah difahami.

Dari segi ayat tiada responden yang sangat tidak setuju bahawa ayat yang digunakan mudah difahami. Minoriti kedua pula hanya seorang (1%) tidak setuju. Seterusnya majoriti 86 orang (86%) setuju, dan selebihnya seramai 13 orang (13%) sangat setuju (Min: 4.11, SP: 0.399). Berdasarkan pemerhatian pengkaji, ayat yang digunakan dalam e-sastera yang sepenuhnya menggunakan bahasa Melayu adalah ayat mudah yang digunakan dalam percakapan seharian. Hal ini memudahkan pengunjung laman e-sastera memahami ayat yang digunakan secara jelas. Contoh sajak ”Islam Hari Ini”:

Tergamak kamu berkata begitu ketika saudara kamu  
ditimpa musibah,  
bangunlah wahai orang Islam kita kembalikan kegemilangan Islam,

...  
(Slave\_humble, 7 Julai 2013:11.25 pm)

Puisi di atas menggambarkan sikap sesetengah manusia yang tidak mempedulikan saudara seagama iaitu agama Islam yang dalam kesusahan sedangkan jika bersatu akan mengembalikan keagungan Islam. Puisi tersebut dapat difahami ayatnya dengan mudah kerana menggunakan bahasa standard dan tidak berbunga-bunga.

### **Maklumat Dikemaskini dari Semasa ke Semasa**

Pengemaskinian semula sesuatu maklumat dapat membantu dalam penambahbaikan sesuatu laman web. Penambahbaikan ini akan menjadikan laman web itu lebih bermutu dan menarik lebih ramai pengunjung. Justeru itu, item soalan ini mendapatkan makluman responden sama ada sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju atau sangat setuju, e-sastera menjadi lebih bermutu selepas maklumat dikemaskini dari semasa ke semasa.

Tiada responden yang sangat tidak setuju bahawa maklumat laman web e-sastera dikemaskini dari semasa ke semasa. Seramai 5 orang (5%) pula tidak setuju, majoriti sebanyak 86 orang (86%) responden setuju, dan 9 orang (9%) sangat setuju (Min: 3.99, SP: 0.541). Maklumat-maklumat mengenai e-sastera akan diperbaharui oleh pihak pengurusan (*admin*) sekiranya terdapat berita terbaru mengenai sastera terutamanya sastera siber. Memperbaharui maklumat lama yang terdapat dalam e-sastera, tidak akan membosankan pembaca dan dapat memberikan satu kelainan.

Dalam hal itu, bersesuaian dengan prinsip perlanggaran, ditegaskan bahawa untuk mencari kelainan atau makna yang baru, pengarang biasanya akan menentang kelaziman atau yang tradisi dan konvensi; sekurang-kurangnya pengarang memperbaharui konvensi dan teksnya sendiri. Pengarang tidak akan berpuas hati dengan dengan sistem teksnya yang sudah klise dan streataip (Mana Sikana, 2005: 505).

### **Bahan Karya Sentiasa Diperbaharui**

Pengunjung tidak akan merasa bosan sekiranya laman-laman sastera sentiasa memperbaharui kandungan karya yang sedia ada dengan yang lain kerana pengunjung setia laman-laman ini sudah tentunya tidak sabar untuk berkunjung semula bagi mendapatkan karya-karya terbaru. Jadi, pengkaji mencungkil pandangan daripada responden mengenai mutu e-sastera jika bahan karya sentiasa diperbaharui.

Tiada responden sangat tidak setuju bahan karya yang dipaparkan sentiasa diperbaharui, 7 orang (7%) tidak setuju, 84 orang (84%) setuju, dan 9 orang (9%) sangat setuju (Min: 3.95, SP: 0.609). Karya-karya yang dipaparkan dalam e-sastera sentiasa diperbaharui. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, sentiasa ada karya-karya daripada pelbagai genre yang diterbitkan setiap hari dalam e-sastera. Misalnya salah satu karya kategori sajak sebagai bukti yang bertajuk “Mengkal” karya HaizamOLEK diterbitkan pada 26 Januari 2014 berikut:

Indah disalut kata  
hebah bergaya rupa  
mula tersedar kita  
buah masak mengkal

Di beli sia-sia  
disuruh peram kata  
dek berprasangka  
baru padan muka.

Dulu jiran pesan  
entah tak berkesan  
la ni baru perasan  
merana tak tertelan.

Heboh beli kangkung  
dah ranap tak tertudung  
penuh keliling pinggang  
merana meraung-raung.

Ramai sudah lopong  
tangan lambai goyang  
bertahan-tahan menang  
takut tergadai sekampung.

(HaizamOLEK, 26 Januari 2014, 8.58 am)

Puisi di atas adalah karya yang paling terbaru yang diletakkan dalam laman web e-sastera di ruangan "Puisi". Puisi di atas adalah nasihat daripada pengarang supaya tidak terlalu mempercayai kata-kata indah orang kerana ditakuti akan ditipu. Selain itu, pengarang juga menasihati supaya tidak berburuk sangka dengan orang lain dan mendengar nasihat apabila diberi nasihat supaya tidak menyesal di kemudian hari. Seterusnya, pengarang menasihati agar tidak riak



dan tamak dalam membeli sesuatu benda kerana ditakuti tidak mempunyai simpanan untuk masa depan.

## **RUMUSAN**

Melalui persepsi masyarakat terhadap mutu maklumat sastera siber(e-sastera), majoriti responden setuju karya yang dipaparkan dalam e-sastera bermutu dan mempunyai estetika. Mutu sesebuah karya dapat dilihat melalui keindahan atau nilai estetika yang diaplikasikan. Bagi menghasilkan kesan estetika dalam karya, penggunaan gaya bahasa amat diutamakan. Bahasa juga merupakan salah satu elemen penting dalam penyampaian maklumat. Mengikut pemerhatian pengkaji, majoriti responden bersetuju bahawa bahasa yang digunakan mudah difahami kerana laman web e-sastera sepenuhnya ditulis dalam bahasa Melayu iaitu bahasa yang digunakan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa komunikasi utama masyarakat Malaysia. Maka, tidak menjadi masalah bagi responden untuk melayari laman e-sastera. Bahasa komunikasi yang digunakan dapat memberi kesan kepada penyampaian sesuatu maklumat. Majoriti responden setuju maklumat yang disampaikan tepat dan jelas. Maklumat-maklumat yang didapati dalam e-sastera boleh diyakini ketepatannya kerana diperolehi daripada sumber-sumber asal. Maklumat-maklumat mengenai e-sastera juga akan diperbaharui oleh pihak pengurusan (*admin*) sekiranya terdapat berita terbaru mengenai sastera terutamanya sastera siber.

## RUJUKAN

- Azhar Hj. Walid. *Globalisasi Sastera Siber*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Sultan Idris, 2011.
- Baharuddin Aris. *Sistem Komputer dan Aplikasinya*. Kuala Lumpur: Venton Publishing, 2001.
- Baharuddin Aris. *Sains Komputer: Teknik dan Teknologi*. Kuala Lumpur: Venton Publishing, 2003.
- Hasyuda Abadi. "Kesan Budaya dan Bahasa dalam Sastera Siber". *Kertas kerja Dialog Borneo-Kalimanta ke-VIII*. Sandakan, Sabah, 2 hingga 5 Julai 2005.
- Henry Guntur Tarigan. *Pengajaran Gaya Bahasa*. Penerbit Angkasa: Bandung, 1985.
- Holland, N. N. *5 Readers Reading*. New Haven and London: Yale University Press, 1975.
- Irwan Abu Bakar dan Hasimah Harun. *Berkarya di Alam Siber*. Kuala Lumpur: eSastera Enterprise, 2008.
- Irwan Abu Bakar. "Sastera Siber Menenggelamkan Sastera Konvensional". *Dewan Sastera*. November 2004: 10-13.
- Irwan Abu Bakar. "Masa Hadapan Sastera Anda dalam E-sastera". *Dewan Sastera*. November 2004: 14-19.
- Irwan Abu Bakar. "T. Alias Taib dan Karya Siber". *Dewan Sastera*. November 2004: 32-33.
- Iser, W. *The Act of Reading A Theory of Aesthetic Response*. London: The Johns Hopkins University Press, 1987.
- Mana Sikana. *Sastera Melayu Pascamodenisme*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa, 2005.
- Mana Sikana. *Teori Sastera Kontemporari*. Bandar Baru Bangi: Penerbit Pustaka Karya, 2005.

- Mana Sikana. "Pengajaran Drama Sebagai Peneguhan Bahasa Melayu". *Dewan Bahasa*. Jilid 1 Bil 9, 2001: 7-13.
- Mohd Dahri Zakaria. "Sastera Siber Sebagai Wadah Alternatif". *Akhbar Mahasiswa*, Februari 2004.
- Mohd Dahri Zakaria. "Berkenalan dengan esastera.com". *Sastera.Net*. Kuala Lumpur: eSastera Enterprise, Edisi 1, 2006: 15.
- Mohd Majid Konting. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.
- Rachmat Djoko Pradopo. "Estetika Resepsi dan Teori Penerapannya". *Bahasa Sastera*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press, 1985: 183.
- Rachmat Djoko Pradopo. *Pengkajian Puisi: Analisis Strata Norma dan Analisis Struktural dan Semiotik*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press, 1993.
- Shahrudin Nizal Mohd Nor. "Sastera Siber, Sastera Generasi Baru?". *Kertas Kerja Seminar Sastera Siber*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 14 April 2001.
- Sohaimi Abdul Aziz. "Sains dan Teknologi Transformasi kepada Kesusasteraan". *Dewan Sastera*. Julai 2010: 14-20.
- Sohaimi Abdul Aziz. *Rasa-Fenomenologi: Penerapan Terhadap Karya A. Samad Said*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.
- Umar Junus. *Resepsi Sastra*. Jakarta: Penerbit P.T. Gramedia, 1985.
- Umar Junus. *Teori Moden Sastera dan Permasalahan Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.
- Wan Abu Bakar Wan Abas. "Ciri, Perkembangan, dan Penyiaran Karya Siber di Malaysia". *Majlis Akademi Sastera Siber*. Hotel Perdana, Kota Bharu, 25 Ogos 2006.
- Laman web:  
Adli Shahr. "Sastera siber pemusnah industri kreatif?" *Berita Harian Online*. 27 Julai 2011. <http://dpmp238.blogspot.com/2011/07/sastera-siber-pemusnah-industri-kreatif.html> (diakses pada 6 Mei 2014).

Azmi Rahman. "Memaknakan Kehidupan dengan Kesusasteraan di Helaiian Siber". Kedah: Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia, 5 September 2012. [http://www.esasterawan.net/esasterawan/1\\_karya.asp?uid=170&ID=5346](http://www.esasterawan.net/esasterawan/1_karya.asp?uid=170&ID=5346) (diakses pada 12 Mei 2013 pukul 2.05 pm).

Zuraida Jaafar. "Sempena Seminar Sastera Siber di DBP 14 April Ini-Persediaan Memasuki Sastera Siber". *Utusan Malaysia Online*. 12 April 2001. [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=0412&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Rencana&pg=re\\_07.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=0412&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_07.htm)(diakses pada 15 Mac 2014 pukul 3.15 pm).

*Persepsi Masyarakat Terhadap Mutu Maklumat Sastera Siber*  
*Noor Hazwany Haji Arifin & Salmah Jan Noor Muhammad*